


Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 MARCH 2015



Najib menandatangani plak sebagai gimik pelancaran Kompleks UTC Sarawak di Kuching, malam tadi. Yang turut serta, Rosmah, Adenan dan isteri, Puan Sri Jamilah Anu (kanan).
(FOTO NADIM BOKHARI/BH)

UTC diperluas ke seluruh bandar utama

» Inisiatif bagi peringkat kualiti perkhidmatan kepada rakyat

Oleh Hardi Effendi Yaacob
hardi@bh.com.my

Kuching

Pusat Transformasi Bandar (UTC) sebagai pusat sehenti agensi dan jabatan kerajaan bakal diperluas ke seluruh negara, khususnya di bandar utama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata inisiatif itu sejajar komitmen kerajaan memberi khidmat kepada rakyat, termasuk penduduk luar bandar.

Katanya, ia juga membolehkan hasrat kerajaan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian kepada rakyat tercapai.

"Selepas pusingan pertama selesai, kita boleh mempertingkatkan pusingan kedua bagi memenuhi saranan Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem yang memohon lebih banyak UTC diwujudkan di Sarawak.

"Tiada mana-mana negara di dunia yang mampu menyediakan pusat sehenti seperti UTC di Malaysia semata-mata mahu memudahkan kehidupan rakyat," katanya ketika merasmikan Kompleks UTC Sarawak, di sini, malam tadi.

Yang hadir sama, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri dan Menteri Keaja Raya,



Najib mencuba Kek Lapis Sabok Tun Razak keluaran Mira Cake House ketika melawat Kampung Gersik di Kuching, malam tadi.
(FOTO BERNAMA)

Datuk Seri Fadillah Yusof.

Najib yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor daiam rangka lawatan keaja tiga hari bagi meninjau perkembangan pelbagai projek pembangunan dan infrastruktur dilaksanakan kerajaan untuk kepentingan rakyat di negeri ini.

Komited kejasama dengan Sarawak

Najib berkata, beliau amat komited untuk bekerjasama dengan Adenan dan kerajaan Sarawak bagi menentukan masa depan yang lebih cemerlang untuk negeri ini.

Sementara itu, Najib mengemukakan peruntukan khas kepada 200 imam dan pengerusi jawatan kuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) untuk menunaikan haji tahun

ini menerusi program khas Yayasan IMDB (IMalaysia Development Berhad).

Sementara itu, Adenan berkata, penyediaan kemudahan itu jelas membuktikan kesungguhan kerajaan menangani pelbagai kenebatan membabitkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

"Jika dulu, kita mahu buat pasport perlu kita ke Jabatan Imigresen, jika mahu buat kad pengenalan, kita perlu ke JPN (Jabatan Pendaftaran Negara). Kita berpusing-pusing... sangat menyusahkan, mengambil masa dan kos pengangkutan.

"Dengan adanya UTC, semua urusan boleh dilakukan di bawah satu bumbung. Bukan hanya menjimatkan masa, malah kemudahan disediakan cukup selesa," katanya.